

**Populariti menyusut mesej daripada rakyat, Najib memberi amaran kepada BN
Malaysian Insider
Disember 02, 2012
Oleh Zurairi AR**

KUALA LUMPUR, 2 Dis — Datuk Seri Najib Razak menyeru Barisan Nasional (BN) agar berubah, dengan berkata pengundi memilih Pakatan Rakyat (PR) kerana mereka mahu menyampaikan mesej kepada parti pemerintah itu.

“Ini adalah mesej untuk kita berubah sebagai sebuah parti,” kata pengerusi BN itu selepas melancarkan mesyuarat agung tahunan (AGM) Parti Progresif Rakyat (PPP) hari ini.

“Mereka mahu BN menjadi parti lebih adil secara menyeluruh, agar rakyat Malaysia merasakan dapat layanan yang sama dari BN.”

Najib mengingatkan tentang kepentingan berubah kepada BN.

Perdana menteri memberi respon selepas ucapan Presiden PPP Datuk Seri M Kayveas, mendakwa pengundi mengundi PR kerana mereka risau dengan dakwaan diskriminasi dan prejudis dalam pemerintahan BN.

Selepas semalam menutup mesyuarat tahunan Umno di sini, Najib sekali lagi menyeru agar pengundi memilih BN dalam pilihan raya ini.

“Kita dalam proses pembaharuan. Perubahan sebenar sedang berlaku di Malaysia.

“Perubahan sebenar boleh berlaku dengan parti yang sama memerintah Malaysia,” kata presiden Umno itu.

Dr Mahathir menangkap gambar dari pentas.

Najib juga mengkritik kempen “Ubah” yang dilaungkan DAP dan PR, dan membandingkan kempen tersebut dengan Arab Spring.

“Kalau berubah, adakah kita pasti kita boleh dapat yang lebih baik?”

"Mereka (yang terlibat dalam Arab Spring) tidak menikmati 'cuaca musim bunga', mereka masih lagi dalam 'musim sejuk yang penuh kemarahan'."

Perdana menteri mendakwa Arab Spring menyebabkan negara-negara tersebut kehilangan mata pencarian dalam pelancongan dan pertukaran wang asing, sementara keselamatan mereka terancam.

Gadis-gadis PPP mengangkat logo parti tersebut dengan bersemangat.

Bagaimanapun, Najib mengakui bahawa pilihan raya akan datang adalah sukar, kerana pengundi akan berubah mengikut isu semasa.

"Sebelum ini, kita boleh cuma letak songkok untuk jadi calon dan kita masih menang.

"Sekarang kita kena lihat kehendak rakyat dan memahami kemahuan mereka."

Najib kemudian mengkritik pemimpin di peringkat akar umbi kerana gagal mengikut aspirasi pentadbiran BN, yang menjadikan masalah diskriminasi dan prajudis.

"Masalahnya bukan di atas, masalahnya di bawah.

"Mereka perlu faham apa yang kerajaan mahukan, jika kita kata kita mesti melayan rakyat sama rata, kita mesti lakukan perkara itu," kata Najib diiringi tepukan gemuruh dalam dewan.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/populariti-menyusut-mesej-daripada-rakyat-najib-memberi-amaran-kepada-bn/>